



Prof Musrifah berbincang dengan masyarakat Orang Asli kaum Jakun mengenai program ekopelancongan di Tasik Chini.



Pegawai UKM di PPTC memberi makanan kepada ikan air tawar di kolam sangkar milik pusat penyelidikan itu.

info

Program pendidikan di Tasik Chini

Tasik Chini dan PPTC

→ Tasik Chini kaya dengan biodiversiti termasuk 51 spesies tumbuhan jenis hutan rendah, 15 spesies tumbuhan jenis hutan paya air tawar, 25 spesies tumbuhan akuatik dan 87 spesies ikan air tawar
→ Selain mitos naga, tasik ini juga terkenal dengan legenda tamadun Khmer yang dikatakan tenggelam di situ
→ Kerajaan Pahang memperuntukkan tanah seluas lapan hektar di pekarangan Tasik Chini untuk dijadikan tapak pembangunan kompleks PPTC
→ PPTC mempunyai tiga makmal utama iaitu Makmal Analisis Air, Makmal Mikrobiologi dan Instrumentasi, serta Makmal Iklim dan Hidrologi
→ PPTC dibangunkan menggunakan konsep mesra alam dengan mengambil kira binaan yang bercirikan hijau dan tidak memusnahkan pokok yang tua dan tinggi

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

(Yang mengikuti lawatan ke Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC), UKM, baru-baru ini)

Chini

"Dengan keadaan air yang keruh begini, naga pun tak mahu timbul."

Demikian luahan rasa bercampur seloroh sinis Ketua Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC), Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Seri Dr Musrifah Idris pada sidang media bersama wartawan, di pusat penyelidikan itu di sini, baru-baru ini.

Tasik Chini yang terletak 100 kilometer (km) dari bandar Kuantan, 70km dari Pekan dan 40km dari Muadzam Shah itu memang terkenal

dengan legenda Naga Seri Gumum, Naga Seri Pahang dan Naga Seri Daik yang dikatakan pernah menghuninya.

Katanya, sejak aktiviti perlombongan dan pembalakan giat dijalankan di sekitar Tasik Chini bermula pada 2009, tasik air tawar semula jadi kedua terbesar negara selepas Tasik Bera itu sudah mengecil saiznya, malah kedalamannya juga menjadi cetek akibat pendedapan sedimen.

Katanya, keadaan air pula, biarpun masih berada pada kelas dua iaitu kategori sesuai untuk aktiviti rekreasi, namun warna tasik yang dipanggil 'laut' oleh Orang Asli suku Jakun itu keruh dan memberi kesan kepada hidupan air dan pokok teratai yang menjadi flora ikonik Tasik Chini.

"Sudah banyak laporan media sebelum ini menyiarkan kesan buruk

sekiranya Tasik Chini tidak dipulihara dan terus tercemar, malah tidak mustahil bakal kering menjelang 2030, justeru kini kami lebih memfokuskan kepada program pendidikan kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga ekosistem sekitar kawasan ini.

"Selain penyelidikan bersepadu pelbagai disiplin termasuk flora, fauna, kualiti air dan masyarakat yang dijalankan, kami juga ingin mengetengahkan program berasaskan pengetahuan terbuka untuk orang luar.

"Sesiapa yang mahu datang ke sini dan untuk belajar mengenai kepelbagaian biologi, mengetahui penyelidikan dijalankan serta merasa sendiri pengalaman tinggal di Tasik Chini, amat dialu-alukan bagi bekerjasama dengan

kami," katanya.

Kompleks penyelidikan

Program seharian itu membawa wartawan dan jurugambar untuk meninjau sendiri pusat penyelidikan berkenaan serta kawasan persekitaran Tasik Chini yang diiktiraf sebagai Rizab Biosfera Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pada 2008 itu.

Wartawan turut dibawa melawat galeri PPTC dan kawasan sekitarnya sambil Prof Musrifah menunjukkan tapak dewan yang bakal digunakan untuk mengadakan program bersama Orang Asli kaum Jakun di situ.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa menjaga hubungan baik yang terjalin sejak permulaan penubuhan PPTC pada 2004 bagi mengumpul maklumat untuk aktiviti

penyelidikan serta menjalankan program bersama mereka, termasuk aktiviti keusahawanan serta ekopelancongan.

"Kompleks penyelidikan 'makmal hidup' oleh penyelidik kerana dibina di kawasan yang mempunyai kekayaan sumber bio pelbagai.

"Makmal itu ditubuhkan khusus untuk menjalankan penyelidikan, pengajaran, kerja lapangan, kesedaran alam sekitar dan penyebaran maklumat mengenai pengurusan tasik bersepadu kepada masyarakat.

"Selain makmal, PPTC turut dilengkapi dengan kemudahan penginapan bertempat di kompleks pengurusan Chini 2 yang merangkumi penginapan asas bilik loteng, kabin untuk penyelidik dan pelajar, bot, surau, ruang serba guna dan makmal lapangan," katanya.



Tasik Chini turut menjadi sumber penduduk mencari rezeki.



Usaha memulihara alam sekitar giat dijalankan di Tasik Chini.

info

Sejarah, fungsi dan pencapaian

2003
→ Cadangan penubuhan PPTC oleh sekumpulan penyelidik diketuai oleh Prof Madya Dr Musrifah Idris (kini Prof Datuk Seri Dr Musrifah) dan diterima fakulti dan pengurusan universiti

2004
→ PPTC ditubuhkan. Penyelaras pertama PPTC dilantik secara rasmi
→ Mei: Ekspedisi Sainifik Tasik Chini pertama dianjurkan PPTC

2005
→ Buku pertama PPTC dilancarkan, Sumber Asli Tasik Chini Jilid 1

2006
→ Sejumlah 4.04 hektar (10 ekar) tanah tepi Tasik Chini diperuntukkan bagi PPTC yang diluluskan oleh kerajaan Pahang

2007
→ Empat kabin persinggahan ditempatkan di tapak yang berfungsi sebagai stesen lapangan

2008
→ 19 Januari: upacara pecah tanah untuk makmal air tawar oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak (kini Perdana Menteri) bagi memperkenalkan penyelidikan dijalankan PPTC.

→ Terdapat pameran penyelidikan, persembahan kebudayaan dan penyertaan masyarakat.
→ Membantu dalam penyediaan cadangan kertas kerja bagi penamaan Tasik Chini sebagai kawasan tapak Rizab Biosfera pertama dalam program 'Man and Biosphere'

2009
→ Mei: Tasik Chini diiktiraf menjadi tapak Rizab Biosfera pertama di Malaysia oleh UNESCO dikenali sebagai Tasik Chini Rizab Biosfera
→ Julai: Persidangan kebangsaan mengenai Tasik Chini di Kuantan. Penyelidikan, konflik di

tasik itu dibincangkan dengan semua agensi berkepentingan
→ September: PPTC terbabit dengan Pelan Pelaksanaan Strategik untuk pembangunan dicadangkan untuk Tasik Chini Rizab Biosfera dengan kerjasama UKM Pakarunding (UKMP) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)
→ Oktober: PPTC terbabit dalam pemulihan Tasik Chini dengan kerjasama UKMP dan ECER

2010
→ PPTC memenangi anugerah dalam rangkaian industri oleh universiti
→ Julai: PPTC memulakan program masyarakat di atas Rizab Biosfera untuk masyarakat Chini

2011
→ Ketua PPTC dianugerahkan Anugerah Sains UNESCO Malaysia dan pada tahun sama, pusat penyelidikan itu menerima anugerah Fakulti Sains dan Teknologi UKM

2012
→ Pusat Kecemerlangan PPTC dikenali sebagai Makmal Hidup oleh UKM

2013
→ Ogos: Pelancaran aktiviti hijau di Tasik Chini dengan kerjasama Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM)
→ Menubuhkan sebuah kumpulan penyelidikan sosioekonomi bagi Nic Transformasi Luar Bandar untuk penyelidikan dalam masyarakat Tasik Chini

2014
→ Januari: Kompleks PPTC Makmal Air Tawar Fasa 1 Bersedia untuk permulaan baharu bagi penyelidikan Rizab Biosfera

2015
→ Pembangunan produk pelancongan 'Edutourism' bersama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan

2016
→ Perasmian PPTC sebagai Pejabat Satelit Tasik Chini